

Perluakah pengalaman memerintah negara?

Free Malaysia Today

22 March 2014

Oleh Zabidi Saidi

PETALING JAYA: Kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa pengalaman pakatan pembangkang termasuk ketuanya, Datuk Seri Anwar Ibrahim sangat sedikit untuk diberi kepercayaan memimpin sebuah negara kompleks seperti Malaysia dan adalah berisiko sekiranya rakyat memilih mereka sebagai pemimpin menarik untuk diulas.

Muhyiddin berkata, ini berbeza dengan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang sudah melalui pelbagai pengalaman jatuh bangun dalam menguruskan negara sejak merdeka termasuk kejayaan membebaskan Malaysia daripada krisis ekonomi.

“Saya sendiri sudah 40 tahun dalam kerajaan, jauh lebih berpengalaman daripada Anwar sendiri. Anwar cuma sekejap sahaja mentadbir negara sebelum menyertai pembangkang. Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang pun begitu malah Penasihat DAP, Lim Kit Siang mungkin tiada langsung,” katanya lagi.

Muhyiddin mengangkat bakul berkata beliau lebih jauh berpengalaman daripada Anwar sendiri. Lucu mendengar pengakuan beliau. Memanglah beliau lebih awal sepenggal menjadi ahli parlimen daripada Anwar. Muhyiddin menjadi ahli parlimen Pagoh pada tahun 1978 manakala Anwar dipilih menjadi ahli parlimen Permatang Pauh pada tahun 1982.

Kalau dikira ukuran menjadi timbalan menteri, memanglah Muhyiddin terlebih dahulu menjadi timbalan menteri daripada Anwar tetapi Anwar terus dilantik menjadi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1982 sedangkan pada tahun 1978 Muhyiddin hanya dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian Luar.

Anwar jadi Menteri Pertanian pada tahun 1983 sedangkan Muhyiddin jadi Menteri Belia dan Sukan pada tahun 1995. Jadi siapa yang terlebih dahulu menjadi menteri? Anwar atau Muhyiddin? Pelantikannya sebagai Menteri Besar Johor pada tahun 1986 tidak diambil kira kerana beliau masih di peringkat negeri.

Muhyiddin mendabik dada kerana kononnya beliau lebih hebat daripada Anwar. Apa jasa Muhyiddin selepas jadi Timbalan Perdana Menteri? Tidak nampak pun berbanding Anwar ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri (1993-1998).

Muhyiddin kata pembangkang tiada pengalaman memerintah. PBS tiada pengalaman tetapi bila menang di Sabah pada tahun 1986, PBS memerintah Sabah dengan baik. DAP tiada pengalaman tetapi bila menang di Pulau Pinang pada tahun 2008, ia memerintah dengan baik. Begitu juga PKR memerintah Selangor pada tahun 2008, ia memerintah dengan baik.

Oleh itu kenyataan Muhyiddin ini membuktikan senjata Muhyiddin makan diri sendiri yang menyebabkan orang mula membuat perbandingan di antara Muhyiddin dengan Anwar.

Copyright © 2014 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2014/03/22/perlu-kah-pengalaman-memerintah-negara/>